

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

## **KONFLIK JIWA WATAK-WATAK WANITA DALAM NOVEL PILIHAN FATIMAH BUSU**

**NOR HASIMAH BINTI ISMAIL**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2014**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

**ABSTRAK**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Kajian ini mengenal pasti dan menganalisis konflik jiwa dalam novel pilihan Fatimah Busu. Kajian ini juga menjelaskan konflik hati watak wanita dalam novel yang dikaji dan menghuraikan konflik nafsu watak wanita dalam teks kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan pendekatan Psikologi Islam Imam al-Ghazali serta temu bual dengan pengarang novel. Dapatan kajian berkaitan isu dengan konflik jiwa mengandungi 17 sub tajuk, konflik hati mengandungi 13 sub tajuk dan konflik nafsu yang mempunyai 6 sub tajuk. Dapatan kajian menunjukkan karya yang dihasilkan oleh Fatimah Busu sangat unik dengan penggunaan kerangka teori Imam al-Ghazali yang mampu mengupas dan menganalisis kajian dengan terperinci. Novel yang paling banyak mengandungi konflik ialah *The Missing Piece 11*. Implikasi kajian terbahagi kepada tiga iaitu kepada wanita, masyarakat dan negara. Seseorang wanita akan tabah menghadapi dugaan, sentiasa menjaga maruah diri, cekal mengharungi konflik rumah tangga dan sentiasa berfikiran positif. Implikasi kepada masyarakat pula ialah Islam sebagai tunjang dalam kehidupan teras pendidikan. Sastera mampu menggarap nilai-nilai murni dan mampu membina jati diri dalam kalangan masyarakat. Seterusnya implikasi kepada negara ialah sastera gender yang baik akan dijadikan contoh teladan dan mampu membina insaniah dalam kehidupan. Sehubungan itu, kajian ini berguna kepada wanita, masyarakat dan negara. Kajian ini berjaya mencapai sasaran objektif dan boleh dijadikan contoh teladan yang berguna kepada pembaca. Hasil dapatan boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA  
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
**THE SOUL CONFLICT OF WOMEN CHARACTERS IN FATIMAH BUSU'S  
SELECTED NOVELS**

## ABSTRACT

This study identifies and analyzes conflicts in the selected novel written by Fatimah Busu. This study also explaining feeling conflicts of female characters in the studied novel and described the sensual conflicts of the female characters in the text of the study. The methodology used in the study was literature search and psychology approach of Islam founded by Imam al - Ghazali as well as an interview with the author of the novel. The findings related to issues of soul conflict contains 17 sub title, conflict of feeling contains 13 sub title and conflict of desire with 6 sub titles. The result shows that the work produced by Fatimah Busu were very unique with the use of the framework of Imam al - Ghazali, who can criticize and analyze the study in detail. The novel that contain most conflicts is The Missing Piece 11. The study is divided into three, namely women, society and country. A woman alleged to be tough in life, always keeping dignity, gallant to face domestic conflict and always think positive. The implication to the community was that the Muslim community was the centerpiece of the living core of education. Literary works are able to instill noble values and self-esteem among members of a community. Furthermore, the implications for the country is good gender literature will be able to set an example and build human life. Accordingly, this review helpful to the women, society and the country. This study was able to achieve the target objectives and useful exemplary to the reader. The findings can be applied in everyday life.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

DEDIKASI

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xii

SENARAI RAJAH

xiii

SENARAI SINGKATAN

xiv

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	12
1.3	Objektif Kajian	16

1.4	Persoalan Kajian	16
-----	------------------	----

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>1.6 Batasan Kajian</b>	<b>19</b>			
1.7 Definisi Konsep	21			
1.7.1 Konflik	21			
1.7.2 Watak	26			
1.7.3 Wanita	30			
1.8 Kaedah Kajian	39			
1.9 Kesimpulan	40			
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>				
2.1 Pengenalan	42			
2.2 Sorotan Literatur Luar Negara	43			
2.3 Sorotan Literatur Dalam Negara	45			
2.3.1 Sorotan Literatur Peringkat Doktor Falsafah	45			
2.3.2 Sorotan Literatur Peringkat Sarjana	53			
2.3.3 Sorotan Literatur Peringkat Sarjana Muda	70			
2.4 Jurnal	73			
2.5 Buku Ilmiah	77			
2.6 Kesimpulan	96			
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>				
3.1 Pengenalan	98			
<b>3.2 Pendekatan Psikologi Islam</b>	<b>99</b>			
3.2.1 Psikologi Islam (Jiwa)	102			

<b>3.2.2 Psikologi Islam Qalb (Hati)</b>	<b>103</b>			
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>3.2.3 Psikologi Islam Nafs (Nafsu)</b>	<b>108</b>			
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>3.3 Imam al-Ghazali</b>	<b>110</b>			
<b>3.3.1 Psikologi Islam Menurut al-Ghazali (Jiwa)</b>	<b>121</b>			
<b>3.3.2 Psikologi Islam Menurut Imam al-Ghazali (Hati)</b>	<b>125</b>			
<b>3.3.3 Psikologi Islam Menurut Imam al-Ghazali (Hawa Nafsu)</b>	<b>134</b>			
<b>3.4 Kerangka Teori</b>	<b>144</b>			
<b>3.5 Kesimpulan</b>	<b>148</b>			
 <b>BAB 4 DAPATAN</b>				
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>149</b>			
<b>4.2 Konflik Jiwa</b>	<b>152</b>			
<b>4.2.1. Kahwin Campur</b>	<b>153</b>			
<b>4.2.2. Kesetiaan</b>	<b>158</b>			
<b>4.2.3 Tidak Kenal Asal-usul</b>	<b>163</b>			
<b>4.2.4 Pengharapan</b>	<b>165</b>			
<b>4.2.5 Suratan Takdir</b>	<b>169</b>			
<b>4.2.6 Tuduhan Palsu</b>	<b>174</b>			
<b>4.2.7 Keikhlasan</b>	<b>178</b>			
<b>4.2.8 Keinsafan</b>	<b>180</b>			
<b>4.2.9 Terlalu Berahsia</b>	<b>184</b>			
<b>4.2.10 Kesetiaan Yang Diragui</b>	<b>186</b>			
<b>4.2.11 Ketakutan</b>	<b>190</b>			
<b>4.2.12 Kembali Ke Pangkal Jalan</b>	<b>196</b>			

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	199
4.2.13 Cemburu			
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	202
4.2.14 Hasad Dengki			
4.2.15 Tidak Sehaluan			204
4.2.16 Tidak Direstui			206
4.2.17 Berbelah Bagi			208
4.2.18 Bukan Salah Asuhan			211
4.2.19 Haruan Makan Anak			217
4.2.20 Anak Dan Ibu			221
4.3 Konflik Hati			227
4.3.1 Ikut Hati			228
4.3.2 Persengketaan			229
4.3.3 Kecil Hati			232
4.3.4 Tidak Sependapat			237
4.3.5 Pandangan Serong			239
4.3.6 Penyesalan			250
4.3.7 Tersinggung			253
4.3.8 Kerenah Keluarga			256
4.3.9 Ranjau Kehidupan			260
4.3.10 Perasaan Was-was			262
4.3.11 Derita			263
4.3.12 Fitnah			264
4.3.13 Gangguan Emosi			271

<b>4.4.1 Permainan Perasaan</b>	<b>274</b>	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
<b>4.4.2 Cinta Itu Buta</b>	<b>281</b>	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
<b>4.4.3 Masyarakat Materialistik</b>	<b>284</b>	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
<b>4.4.4 Salah Laku</b>	<b>288</b>	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
<b>4.5 Kesimpulan</b>	<b>291</b>	

## **BAB 5 PENEMUAN DAN KESIMPULAN**

<b>5.1 Pendahuluan</b>	<b>292</b>
<b>5.2 Kesimpulan Penemuan Hasil Kajian</b>	<b>297</b>
<b>5.2.1 Konflik Jiwa</b>	<b>297</b>
<b>5.2.2 Konflik Hati</b>	<b>303</b>
<b>5.2.3 Konflik Nafsu</b>	<b>304</b>
<b>5.3 Rumusan Dapatan Kajian</b>	<b>306</b>
<b>5.4 Implikasi Dapatan Kajian</b>	<b>316</b>
<b>5.4.1 Implikasi kepada Wanita</b>	<b>316</b>
<b>5.4.2 Implikasi kepada Masyarakat</b>	<b>320</b>
<b>5.4.3 Implikasi kepada Negara</b>	<b>322</b>
<b>5.5 Cadangan Kajian Selanjutnya</b>	<b>325</b>
<b>5.6 Kesimpulan</b>	<b>326</b>
 <b>RUJUKAN</b>	 <b>329</b>

## **LAMPIRAN**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKA	
DRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PEN

**SENARAI JADUAL**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITY PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDID  
N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI F

**RAJAH****TAJUK****HALAMAN**

Jadual 1.1

Senarai Tajuk Novel

20

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKA  
DRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      **SENARAI RAJAH**      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 3.1	Konsep Psikologi dari segi Tauhid Islam	101
Rajah 3.2	Aspek dalaman yang mempengaruhi manusia menurut Imam al - Ghazali	115
Rajah 3.3	Sifat-sifat manusia menurut al-Quran dan Hadis	118
Rajah 3.4	Falsafah manusia menurut Imam al-Ghazali	120
Rajah 3.5	Psikologi Islam menurut Imam al-Ghazali (Jiwa)	123
Rajah 3.6	Nafsu menurut Imam al- Ghazali	137
Rajah 3.7	Perkara yang membinasakan manusia	141
Rajah 3.8	Kerangka teori konflik dalam novel Fatimah Busu	146
Rajah 3.9	Kerangka kajian dan aplikasi teori	147

**SENARAI SINGKATAN**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

ACEC	-	Antologi Cerpen Eileen Chang
BHEI	-	Bahagian Hal Ehwal Agama Islam
DBP	-	Dewan Bahasa Dan Pustaka
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
GAPENA	-	Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia
JBR	-	Jangan Bunuh Rama-Rama
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PCBI	-	Peraduan Cerpen-Cerpen Berunsur Islam
S.A.W.	-	Sallallahualaihiwasallam
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SWT	-	Subhanahuwataala

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sejarah penulisan novel-novel karya penulis wanita bermula pada tahun 1930 hingga 1970. Kemunculan penulis-penulis wanita dapat mengetengahkan isu-isu wanita hasil daripada pengalaman mereka sendiri. Penulis-penulis wanita wujud disebabkan kesedaran mereka (*women's consciousness*) terhadap kepentingan pelajaran untuk masa hadapan. Selain itu, faktor yang menyebabkan mereka turut terlibat dalam penulisan karya ini ialah minat atau keinginan mereka sendiri terhadap seni pengkaryaan.

Golongan wanita terlibat secara aktif dalam bidang penulisan di Semenanjung

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID  
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Tanah Melayu bermula setelah terbitnya majalah *Bulan Melayu*. Pada bulan Jun 1930,  
*Bulan Melayu* yang pertama telah diterbitkan di Johor Baharu. Majalah ini merupakan lidah rasmi Persekutuan Guru-Guru Perempuan Melayu Johor yang diasaskan oleh Hajah Zainon Sulaiman atau lebih dikenali sebagai Ibu Zain. Pada ketika ini, Ibu Zain menjadi penyelia sekolah-sekolah perempuan Johor. Pada masa yang sama, beliau dan guru-guru perempuan secara tidak langsung telah menghasilkan bahan-bahan bacaan untuk wanita. Hasil penulisan itu telah menjadi medan kepada kaum wanita untuk menguji bakat sebagai penulis. Sebagai ahli persatuan guru-guru, mereka banyak berkorban untuk menghasilkan majalah. Antara sumbangan yang telah dilakukan mereka ialah menyumbangkan sebahagian daripada gaji bulanan mereka. Di samping itu, mereka juga diwajibkan melanggan majalah tersebut. Akhirnya, hasil daripada pengorbanan itu, maka majalah tersebut dapat diterbitkan pada November 1941. Menurut Rosnah Baharudin (2003: 25) penerbitan majalah ini terhenti apabila meletusnya Perang Pasifik.

Majalah ini disusun dengan cermat kerana bahan bacaan dikhususkan untuk golongan wanita. Bahan atau isi majalah ini memberi penekanan kepada golongan wanita yang berstatus isteri dan ibu. Penulisan ini adalah usaha untuk memberi maklumat atau panduan berkesan kepada kaum wanita untuk melaksanakan tugas dengan sempurna. Selain itu, sebagai sebuah majalah yang menjadi lidah rasmi golongan terpelajar penekanan khas juga diberi kepada kepentingan pelajaran kaum

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA  
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Pada bulan Oktober 1946, majalah lain yang dihasilkan oleh golongan wanita

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID  
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P  
ialah majalah *Ibu Melayu* yang diterbitkan di Johor Bahru. Seterusnya, majalah wanita

lain yang diterbitkan ialah majalah *Ibu* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1952.

Majalah ini memberi galakan dan dorongan kepada ramai wanita untuk melibatkan diri dalam bidang penulisan kreatif. Bukti yang jelas ialah penganjuran peraduan menulis cerpen pada Oktober 1952 untuk kaum wanita. Tema yang dikehendaki untuk penyertaan peraduan ini adalah terhad kepada hal ehwal wanita sahaja. Matlamat utama peraduan ini ialah mahu menggalakkan kaum wanita memberi pendapat tentang hal-hal yang berkaitan wanita. Matlamat majalah *Bulan Melayu* diterbitkan ialah memberi peluang kepada pengarang-pengarang wanita untuk menyiaran karya kreatif seperti puisi dan cerpen. Pada masa yang sama terdapat 12 cerpenis wanita yang menghasilkan 14 buah cerpen dalam beberapa buah majalah dan surat khabar lain ketika itu.

Menurut Rosnah Baharudin (2003: 28) novel pertama yang ditulis oleh pengarang wanita ialah *Cinta budiman* karya Rafiah Yusuf yang ditulis pada tahun 1941. Novel kedua juga ditulis pada tahun yang sama berjudul *Dua pengembala* yang dihasilkan oleh Kamariah A. Seterusnya pada tahun 1948 iaitu selepas Perang Dunia Kedua, Kamariah Saadon telah menghasilkan novel yang berjudul *Panggilan Ibonda*. Diikuti dengan novel *Cincin kahwin* oleh Jahlelawati. Pada dekad 1940-an dan 1950-an lahir seorang penulis wanita yang terkenal iaitu Kalidah Adibah binti Amin dengan nama pena Adibah Amin. Beliau merupakan anak sulung Tan Sri Zainon Sulaiman

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA  
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN  
Faktor utama yang mendorong beliau menulis ialah keperluan sumber kewangan untuk menampung kos pendidikannya. Novel yang ditulisnya pada masa itu sangat

laris dan mendapat tempat di hati peminat novel. Khalayak sastera pada masa itu adalah golongan remaja. Ketika usia masih belasan tahun iaitu pada akhir dekad 1940-an, beliau telah menghasilkan tiga buah novel remaja. Novel yang dihasilkan itu berjudul *Puteri Asli* disesuaikan dengan novel *The Little Princess*, *Gadis Sipu* dari novel *House at the Corner* karya Enid Blyton dan *Bangsawan Tulen* yang diterbitkan pada tahun 1950. Sungguhpun novel Adibah Amin ditulis untuk golongan remaja, namun demikian penulisannya dapat menambah kuantiti karya wanita. Unsur-unsur didaktik yang dipaparkan dalam novel-novelnya amat disenangi oleh para ibu bapa. Selain itu, beliau juga menulis cerpen yang disiarkan dalam majalah *Ibu* dan *Hiboran*.

Siti Mariam Nordin pada dekad 1950-an telah menghasilkan tiga buah novel iaitu *Hartawan Bakti*, *Anak Penebus Dosa* dan *Kebahagiaan Sabar*. Pada masa itu novel diterbitkan dalam bentuk tulisan Jawi. Dalam dekad 1950-an media massa berperanan menggalakkan wanita menulis dengan menyediakan kolumn khas untuk mereka menghasilkan karya kreatif atau non-kreatif. Kolumn itu dianggap sebagai wadah latihan untuk memberi semangat kepada mereka untuk menulis karya yang lebih panjang seperti novel. Contohnya kolumn majalah *Hiboran* (1946-56), *Mutiara* (1948-62) dan Mingguan Melayu (1952-55). Galakan sebegini sangat penting kerana penglibatan wanita dalam bidang penulisan agak lambat dan karya-karya yang dihasilkan terlalu kecil jumlahnya. Antara penulis yang pernah menulis dua buah majalah ini ialah Kamariah Saadon dan Kalsom Saadon. Rayuan Sukma adalah nama samaran Kalsom Saadon oleh Rosnah Baharudin (2003: 29). Zainal Abidin Bakar menjelaskan antara tahun 1940-50 terdapat seratus tiga puluh dua buah novel Melayu telah diterbitkan. Walaupun demikian hanya lapan buah novel daripada seratus tiga

puluh dua buah novel yang dihasilkan oleh pengarang wanita. Di sini jelas bahawa penglibatan wanita dalam bidang penulisan agak lambat perkembangannya.

Setelah Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, wanita mendapat lebih banyak peluang untuk memperoleh pendidikan dan menceburkan diri dalam bidang pekerjaan di luar rumah. Begitu juga dalam bidang penulisan. Dari sudut sejarah 1960-an merupakan dekad ledakan penerbitan majalah dan novel. Novelis yang prolifik pada masa itu ialah Salmi Manja. Beliau telah menghasilkan enam buah novel yang mengupas tentang isu-isu wanita dan lantang mendedahkan masalah-masalah wanita.

Dalam berkarya tema yang diguna pakai oleh pengarang wanita dan lelaki agak berbeza. Sehingga tahun 1970 terdapat transformasi persepsi kendiri wanita dan perubahan ideologi. Perjuangan ke arah suatu identiti budaya dan peningkatan kehidupan dalam dunia semasa, memberi kesan yang besar kepada kehidupan dan perspektif wanita dan hal ini terserlah dalam tulisan pengarang wanita.

Walau bagaimanapun di samping tema pendidikan, kelihatan juga menerusi karya pengarang wanita menerima konsep jangkaan konvensi masyarakat dalam peranan mereka sebagai anak perempuan yang patuh terhadap pilihan jodoh mereka oleh ibu bapa. Walaupun terdapat permasalahan dalam bahtera rumah tangga mereka, jelas di sini mereka tidak menyalahkan mana-mana pihak sebaliknya sebagai anak

perempuan yang taat dan isteri dan baik dapat memenangi simpati pembaca.

Selain itu, Rosnah Baharudin (2003: 37) menyatakan bahawa telah berlaku perubahan tema dalam penulisan iaitu, daripada tema pendidikan kepada tema moral.

Perubahan ini disebabkan kesedaran baru terhadap persepsi diri dalam kalangan pengarang yang mengarah kepada perkembangan perspektif baru mengenai masalah wanita. Seterusnya, kesan daripada perubahan kedudukan wanita dalam bidang sosial selepas kemerdekaan tahun 1957 terutama dari segi pencapaian pendidikan, pengalaman diri melalui pekerjaan dan pembacaan telah berlaku dan tema-tema penulisan karya penulis wanita turut berubah.

Dekad 1950-an merupakan dekad penting dalam konteks perkembangan kesusastraan Melayu dan penglibatan pengarang wanita dalam bidang penulisan. Antara pengarang yang terkenal pada masa itu ialah Siti Aishah, Wancik Abdullah dan Adibah Amin. Pengarang-pengarang wanita pada masa itu muncul secara mendadak. Faktor ini menyebabkan penulis tersebut menyumbangkan karya-karya mereka dalam majalah *Hiboran* (1946-1956), *Mutiara* (1948-1962) dan *Mingguan Melayu* (1952-1955).

Selain menulis novel terdapat juga pengarang wanita yang berkarya dalam genre cerpen. Pengkaryaan genre cerpen oleh golongan wanita bermula sejak tahun 1934. Banyak cerpen yang dihasilkan tersiar dalam beberapa majalah seperti *Pemimpin Melayu* (1933), *Warta Ahad* (1935-1941), *Warta Jenaka*, *Bulan Melayu* (1930-1941), *Mutiara* (1953-56), *Hiboran* (1946-1962) dan lain-lain lagi. Terdapat

beberapa faktor yang mendorong wanita berkarya. Antaranya ialah soal keyakinan diri dan populariti, kekurangan sumber kewangan serta dorongan kawan dan penerbit.

Antara pengarang yang terkenal ketika itu ialah Norma Kedah, Fatimah Perlis,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
 Rahmah Daud, Adibah Amin, Kamariah Saadon dan kakaknya Kalsom Saadon yang  
 lebih dikenali sebagai Rayuan Sukma.

Dalam buku *Citra Wanita Dalam Novel Melayu*, Siti Khariah Mohd Zubir (2008: 2) menjelaskan bahawa pada dekad 1960-an pengarang yang terkenal ialah Salmi Manja yang menghasilkan novel yang bertajuk *Hari Mana Bulan Mana* (1961), *Dari Mana Punai Melayang* (1961), *Hendak Hujan, Hujan Sekali* (1967), *Sayang Ustazah Sayang* (1968), *Rindu Hilang Di Tapak Tangan* (1968) dan *Entah Mengapa Hatiku Duka* (1968). Adibah Amin pula menghasilkan *Seroja Masih di Kolam* (1968). Antara novelis baru ialah Hamidah Hassan dan Khadijah Hashim yang telah menghasilkan novel *Meniti Pelangi* (1964), *Badai Semalam* (1968), dan *Jalan Ke Kubur* (1969).

Perkembangan novel Melayu pada tahun 1970-an semakin rancak dan menggalakkan. Penulis novel yang muncul pada masa itu ialah Zaharah Nawawi yang menghasilkan novel bertajuk *Sebelum Penghujungnya Musim Bunga* (1972), Khadijah Hashim menghasilkan novel berjudul *Merpati Putih Terbang Lagi* (1972) dan *Belum Masanya* (1979) serta Fatimah Busu pula menghasilkan novel *Ombak Bukan Biru* (1977). Selain itu, Adibah Amin juga menghasilkan skrip drama dan rencana-rencana yang disiarkan dalam kolumn khas “*As I Was Passing*” (1976) di dalam akhbar News Straits Times.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS Pada dekad 1980-an ramai penulis wanita yang menulis novel. Antara novelis yang muncul pada masa itu ialah Khadijah Hashim yang menghasilkan novel *Di Tengah Kabus* (1980) dan *Bila Dan Di Mana* (1982), Fatimah Busu pula

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS menghasilkan novel *Kepulangan* (1980). Seterusnya Zaharah Nawawi dengan novel yang bertajuk *Jalur Sinar di Cela Daun* (1981), *Persisir Hitam* (1985), *Menuju Puncak* (1986), dan *Panglima Salleh Selimpang Merah* (1988). Seterusnya Rosmini Shaari dengan novel yang berjudul *Isteri* (1988), dan *Janji* (1989). Penulis dari Sabah, Obasiah Haji Usman pula menghasilkan *Malisiah* (1987), *Bertaut* (1988) dan *Pengkid* (1989). Selanjutnya pengarang lain yang ada pada masa itu ialah Siti Hawa Hassan dengan novelnya *Ku Ingin Kasih Mu* (1983) dan *Perempuan Di Lereng Bukit* (1984).

Pada dekad 1990-an semakin ramai penulis wanita yang menghasilkan novel. Antaranya Rosmini Shaari yang menghasilkan *Jaringan* (1990), Khadijah Hashim menulis *Alun Hidup* (1990) dan *Senator Adilah* (1992). Adibah Amin pula menghasilkan novel berjudul *Ke Mana Kasih Hendak Dibawa* (1993) dan pada tahun 1990-an juga Zaharah Nawawi telah menghasilkan novel *Anugerah* setebal 1351 halaman. Azmah Nordin telah menghasilkan novel *Menongkah Lumrah* (1996), dan *Syumul* (1999). Novel seterusnya Sharifah Abu Salem telah menghasilkan novel bertajuk *Masihkah Ada Kasih* (1999). Pengarang lain yang muncul dalam dekad ini ialah Hartini Hamzah novel berjudul *Melunas Rindu* (1999), Novel Siti Jasmina Ibrahim bertajuk *Misteri Gadis Di Jendela* (1988), Liana Afiera Malik novel berjudul *Kasih Antara Musim* (1993), Amruszati Noor Rahim, Salina Ibrahim, dan Kamariah Kamaruddin.

Pada tahun 2000-an muncul beberapa orang penulis. Antaranya ialah Sri Rahayu Mohd Yusop dengan novelnya *Bukan Legasi Lalang* (2001), Fauziah Ashari dengan novel bertajuk *Ombak Rindu* (2002) dan Norhayati Berahim yang menghasilkan novel bertajuk *Sentuhan Kasih* (2003), Anis Sofea telah menghasilkan

novel *Suara Hati* pada tahun (2002) dan *Gemersik Kalbu* (2005). Penulis lain yang terkenal pada tahun 2000-an ialah Aisyah Sofea dengan novelnya bertajuk *Jendela Hati* (2000), *Kau Untukku* (2001), *Sehangat Asmara* (2003) dan *Adam dan Hawa* (2006). Manakala, Damya Hanna pula menghasilkan novel bertajuk *Bicara Hati* (2003), *Sepi Tanpa Cinta* (2004), *Saat Cinta Bersemi* (2005), *Rela Ku Menanti* (2005) dan *Ilham Menanti* (2006). Selain itu, penulis Sri Diah turut menghasilkan novel bertajuk *Dosa Malam Pengantin* (2000) dan *Kuala Lumpur Di Mana Suamiku* (2003).

Keseluruhan novel-novel yang dihasilkan oleh penulis-penulis wanita ini mempunyai maksud yang tersendiri dan mengandungi unsur-unsur serta corak kehidupan masyarakat yang banyak memberi panduan dan contoh teladan yang boleh digarapkan serta direalisasikan dalam kehidupan seharian.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih novel-novel karya novelis wanita tersohor dan terkenal, iaitu Fatimah Busu untuk dikaji dan dianalisis. Beliau dilahirkan pada bulan Januari 1943 di Kampung Pasir Pekan, Kota Bharu, Kelantan. Setelah tamat pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah, beliau menyambung pengajian di pusat pengajian tinggi dengan mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Durian Daun, Melaka. Kemudian beliau berkhidmat sebagai guru untuk beberapa tahun. Seterusnya pada tahun 1970-an, Fatimah Busu menyambung pengajiannya di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Berkat kesungguhannya dalam bidang akademik, Fatimah Busu memperoleh Ijazah Sarjana

Sastera (1978) dan Doktor Falsafah (1994) di universiti yang sama. Selepas itu, beliau bertugas sebagai pensyarah sehingga bersara pada tahun 1998 di universiti yang sama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Fatimah Busu ([ms.wikipedia.org/wiki/Fatimah\\_Busu](https://ms.wikipedia.org/wiki/Fatimah_Busu)) merupakan seorang penulis novel dan cerpen yang giat berkarya semenjak tahun 1950-an hingga kini. Beliau sentiasa produktif dan kreatif serta tidak jemu-jemu mencuba pendekatan baru dalam penulisan novel dan cerpen. Fatimah Busu mula berkarya sejak tahun 1957. Pelbagai bentuk penulisan telah diceburinya iaitu sajak, drama pentas atau radio, cerpen dan novel. Media massa yang menyiaran karya-karyanya termasuk Akhbar Warta Mingguan (1957), Gelanggang Filem (1958-1960), Radio Malaysia, Akhbar Berita Minggu dan Majalah Keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam bidang kesusasteraan, genre cerpen dan novel telah menonjolkan bakat mengarang Fatimah Busu. Sehingga kini beliau telah menghasilkan tiga kumpulan cerpen iaitu *Lambaian Tanah Hijau* (DBP, 1980), *Yang Abadi* (Teks Publishing, 1980) dan *Al-Isya'* (Teks Publishing, 1985). Sebanyak 10 buah cerpennya pernah memenangi Hadiah Karya Sastera dan Hadiah Sastera Malaysia. Cerpen-cerpen yang berjaya ialah “Mawar Yang Belum Gugur” (1971), “Nasinya Tumpah” (1972), “Freshie” dan “Lambaian Tanah Hijau” (1973), “Bunga-bunga Pulau” dan “Sampah Yang Hanyut” (1974), “Anak Bumi Tercinta” dan “Anak-anak dari Kampung Pasir Pekan” (1975), “Mahar Asmara” (1983/1984) dan “Al-Amin” (1984/1985). Manakala genre novel yang dihasilkan, iaitu *Ombak Bukan Biru* dan *Kepulangan*. Antologi puisinya yang lain *Apa Ada Di Sana* (Versi Dunia) telah diterbitkan pada tahun 2004.

Sebagai ahli akademik atau sarjana, beliau telah melaksanakan penelitian ilmiah dengan menghasilkan buku yang bertajuk *Ciri-ciri Satira dalam Novel Melayu* dan *Afrika Modern: Kajian Perbandingan* (DBP, 1992). Buku ini kemudiannya memenangi Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1992/1993.

Kini dua buah cerpen beliau yang pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia menjadi bahan teks Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Cerpen-cerpen itu ialah “Anak Bumi Tercinta” (antologi Anak Bumi Tercinta, DBP, 2001) dan “Anak-anak dari Kampung Pasir Pekan” (antologi Warna Sari Sastera Melayu Moden, DBP, 1996).

Hasil pena terkini Fatimah Busu ialah *Ada Apa Di Sana* (Versi Dunia) (Pustaka Nusa, 2004), *Salam Maria* (Absolute Publications, 2004), *Keajaiban Alam* (Pekan Ilmu Publications, 2004), *The Missing Piece Bahagian 1* (Citra Kurnia Enterprise, 2005), *The Missing Piece Bahagian II* (Citra Kurnia Enterprise, 2006).

Pengkaji memilih novel Fatimah Busu kerana novel yang dihasilkan mengandungi banyak konflik yang boleh dijadikan contoh dan teladan untuk generasi akan datang. Fatimah Busu memilih tajuk dalam Bahasa Inggeris kerana maksud yang hendak disampaikan adalah jelas serta Fatimah Busu berpendapat bahawa frasa *The Missing Piece* menjelaskan wanita sempurna adalah wanita yang kehilangan sesuatu. Setelah musibah berlaku, perasaan redha akan wujud dalam diri dan ini akan menimbulkan sifat keinsafan, ketaatan dan ketakwaan yang tidak berbelah bagi. Justeru, setelah berlaku kehilangan yang tinggal hanyalah penyerahan diri kepada Allah S.W.T.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Dewasa ini masalah keruntuhan institusi keluarga menjadi semakin gawat dan semakin berleluasa. Akibatnya wujud masalah konflik jiwa dalam diri seseorang. Media-media massa banyak membuat paparan yang menyatakan situasi ini semakin meruncing dalam kalangan masyarakat. Justeru, kajian perlulah dibuat berkenaan hal ini.

Perubahan sosiobudaya masyarakat adalah fenomena sejagat. Setiap perubahan menyebabkan berlakunya proses adaptasi dalam kalangan masyarakat. Pengaruh nilai-nilai Barat yang mementingkan nilai keduniaan semakin menular dalam masyarakat hari ini. Bukti penularan ini jelas dilihat apabila berlaku migrasi dalam kalangan masyarakat seperti migrasi masyarakat bandar ke kampung atau migrasi masyarakat kampung ke bandar. Migrasi atau perpindahan ini jelas menyebabkan peningkatan masalah sosial dalam kalangan masyarakat seperti keruntuhan akhlak, masalah rumah tangga dan gangguan psikologi akibat tekanan hidup. Buktinya, apabila masyarakat bandar berpindah ke kampung, maka secara tidak langsung mereka membawa budaya bandar ke kampung sekali gus mempengaruhi masyarakat kampung dan sebaliknya.

Jika pengaruh positif yang dibawa oleh seseorang individu maka budaya positif akan tersebar dan sebaliknya. Seterusnya, apabila masalah sosial timbul maka secara tidak langsung masalah konflik akan wujud. Masalah konflik yang terhasil daripada masalah sosial akan dihadapi oleh pelbagai masyarakat tanpa mengira lapisan masyarakat seperti masalah konflik orang yang tidak berpelajaran atau tidak berpendidikan tinggi dan masalah konflik masyarakat cerdik pandai. Selain itu,

konflik tidak hanya berlaku dalam kalangan orang bawahan tetapi juga dalam kalangan golongan atasan dan berjawatan tinggi. Namun, masalah konflik yang dihadapi oleh lapisan masyarakat ini adalah berbeza-beza mengikut lapisan. Jadi, masalah konflik dapat disimpulkan bahawa kesemua lapisan masyarakat menghadapi konflik tetapi konflik yang dihadapi oleh masyarakat adalah berbeza-beza mengikut jawatan, pangkat, agama, kedudukan dan seumpamanya.

Sebenarnya sesuatu masalah yang berlaku itu, bukan berpunca daripada faktor-faktor luaran sahaja seperti kesilapan teknik dan lain-lain, tetapi bersangkutan dengan faktor dalaman atau rohaniah manusia. Konflik berpunca daripada hati yang sudah rosak menyebabkan manusia menjadi hilang arah, kecewa, putus asa, resah gelisah, putus harap dengan Tuhan, aqidah terlalu lemah, tidak merasakan Tuhan boleh menyelesaikan segala masalah, kacau-bilau perasaan, kekosongan hati, rasa rendah diri (*inferiority complex*), tidak rasa diawasi oleh Tuhan, tidak sabar dengan dugaan hidup dan berbagai-bagai penyakit jiwa yang telah melanda manusia. Ekoran daripada itu tindakan di luar kawalan dan di luar batasan kemanusiaan telah berlaku. Hal ini menyebabkan wujudnya masalah konflik.

Kedaaan ini selaras dengan fitrah kejadian manusia yang dijadikan lemah seperti yang dinyatakan Allah dalam Surah ar-Rum ayat 54 yang bermaksud:

"Allah, Dialah yang menjadikan kamu daripada keadaan lemah, kemudian Dia menjadikan (kamu) sesudah lemah itu menjadi kuat, kemudian Dia menjadikan (kamu) sudah kuat itu lemah (kembali) dan berubah."

(Sumber: Al-Qur'anulkarim *Miracle The Reference*, 2011: 817)